

HURUN AIN TRADING (KT0329723-D)  
PT 904 TINGKAT ATAS DARULNAIM,  
PASIR TUMBOH, 16150 KOTA BHARU,  
KELANTAN  
019-8661867  
hatgroup2u@gmail.com

Kepada:

**Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri**  
Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)  
Sungai Lang,  
45100 Sungai Air Tawar  
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 15hb Jun 2025

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN UNTUK MENJADI SYARIKAT PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI BAGI  
PARA PELAJAR POLITEKNIK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa syarikat kami Hurun Ain Trading, berhasrat untuk menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar-pelajar politeknik seluruh Malaysia. Antara bidang yang sesuai untuk penempatan pelajar Latihan Industri di syarikat kami ialah Bidang Perniagaan, Pemasaran, Jualan, Teknologi Maklumat, Designer, E-Commerce, Logistik, dll berkaitan Perdagangan.
3. Objektif utama kami adalah untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan negara dengan memberi peluang kepada pelajar-pelajar menjalani latihan amali dan mempraktikkan pengetahuan yang telah dipelajari. Kami percaya bahawa pengalaman ini mampu memberi nilai tambah kepada pelajar di samping membantu mereka bersedia menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar.
4. Antara kemudahan dan kelebihan yang ditawarkan oleh syarikat kami kepada pelatih adalah seperti berikut:

- ✓ Bimbingan dan tunjuk ajar oleh staf berpengalaman
- ✓ Pendedahan kepada tugas sebenar industri
- ✓ Wifi Internet disediakan
- ✓ Latihan dalam suasana berhawa dingin
- ✓ Elaun bulanan sebanyak RM600
- ✓ Peluang pekerjaan selepas tamat latihan (berdasarkan prestasi)

5. Sehubungan dengan itu, kami memohon kerjasama daripada pihak Tuan/Puan untuk memasukkan syarikat kami dalam senarai syarikat penempatan latihan industri bagi para pelajar politeknik. Kami juga sedia menerima lawatan atau penilaian dari pihak politeknik sekiranya diperlukan.

6. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak Tuan/Puan boleh menghubungi kami di talian **019-8661867** atau melalui emel di [hatgroup2u@gmail.com](mailto:hatgroup2u@gmail.com)

7. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan amat kami hargai dan dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**Nur Aini Bt Ghazali**  
Pengurus Sumber Manusia  
Hurun Ain Trading